

UCAPAN PERASMIAN

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, KETUA PENGARAH, JABATAN STANDARD MALAYSIA

MAJLIS ANUGERAH STANDARD DAN AKREDITASI KEBANGSAAN

31 MAC 2017 (JUMAAT)

HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA LUMPUR

YB DATUK WIRA DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YBHG. DATUK SERI DR. MOHD AZHAR BIN HJ.

YAHAYA

Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan

Inovasi

YBHG. TAN SRI MUSTAFA MANSUR

Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi MOSTI

dan

Penerima-Penerima Anugerah

Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, dan Salam 1Malaysia.

1. Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Sesungguhnya, kehadiran YB membuktikan sokongan yang berterusan MOSTI kepada Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) dalam memajukan aktiviti standardisasi dan akreditasi negara.

2. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Bin Hj. Yahaya, Ketua Setiausaha Kementerian kerana turut sudi hadir ke majlis ini.

YB Datuk Wira, YBhg. Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

3. Seperti yang kita sedia maklum, majlis ini dianjurkan bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada

individu-individu yang terlibat secara langsung, memberi sumbangan kepakaran dan pengalaman dalam proses pembangunan standard dan juga yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti akreditasi sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa. Pada tahun ini, seramai 12 orang pakar telah dipilih untuk menerima Anugerah Standard dan Akreditasi Kebangsaan di atas sumbangan yang amat signifikan dalam tahun 2016.

4. Pada Majlis kali ini juga, buat julung kalinya, dua buah organisasi telah akan diberi pengiktirafan sebagai organisasi yang banyak menyumbang kepada aktiviti akreditasi Negara. Selain makmal-makmal organisasi telah mendapat akreditasi daripada Standards Malaysia, para pegawai daripada kedua-dua organisasi tersebut juga sangat aktif berkhidmat sebagai Penilai Kontrak Standards Malaysia (Ketua Penilai atau Penilai Teknikal) dan menjadi ahli dalam *Sectoral Technical Committee*

(STC) dan/atau Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) serta terlibat sebagai ahli panel penilaian (EP) berdasarkan kepakara teknikal kedua-dua organisasi tersebut.

5. Selain itu, Kerajaan juga tidak lupa untuk memberi penghargaan kepada syarikat tempatan yang menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mematuhi *Malaysian Standards* (MS) dan dengan itu telah berjaya meningkatkan daya saing di peringkat kebangsaan dan global. Melalui Anugerah Penghargaan kepada Pengguna-pengguna *Malaysian Standards*, Syarikat yang memenangi anugerah tersebut adalah merupakan contoh atau *success story* bagaimana perkhidmatan standardisasi dan akreditasi yang disediakan oleh Standards Malaysia dapat menyumbang kepada pembangunan industri negara.

6. Majlis ini juga akan turut menghargai pemenang *The 11th International Standards Olympiad 2016* iaitu Sekolah

UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, KETUA PENGARAH, JABATAN STANDARD MALAYSIA
MAJLIS ANUGERAH STANDARD DAN AKREDITASI KEBANGSAAN
31 MAC 2017 (JUMAAT)
HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA LUMPUR

Menengah Kebangsaan St Joseph (M), Kuching, Sarawak dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pagi, Seremban, Negeri Sembilan yang telah mewakili Malaysia dan memenangi pingat emas dan perak dalam pertandingan yang telah diadakan di Anseong, Korea pada tahun lalu.

YB Datuk Wira, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

7. Bertepatan dengan tema pada tahun ini iaitu *“Nurturing Our Future Generation”*, kami di Standards Malaysia percaya bahawa penerapan budaya kualiti di kalangan generasi muda terutama berkaitan standard dan pematuhan adalah amat penting dalam melahirkan generasi “celik kualiti”. Sementelah kualiti adalah faktor utama yang dapat menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat, perlindungan alam sekitar serta meningkat daya saing negara di peringkat global. Ianya merentasi pelbagai sektor berkeutamaan tinggi serta salah satu

elemen penting dalam program transformasi ekonomi negara.

8. Penerapan budaya kualiti dalam masyarakat terutama berkaitan standard dan pematuhan adalah amat penting dan menjadi agenda utama Standards Malaysia. Menyedari akan perkara ini, Standards Malaysia telah memulakan pelbagai inisiatif termasuk memperkenalkan modul berkaitan standardisasi dan pematuhan ke dalam sistem pembelajaran negara agar generasi masa depan lebih terdedah dan lebih memahami budaya kualiti.

9. Ini sekaligus akan menyokong hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju dan masyarakat yang maju adalah masyarakat yang menjadikan kualiti sebahagian budaya hidup mereka. Seperti yang kita sedia maklum budaya kualiti di negara-negara maju sebagai contoh di Jepun, Amerika Syarikat dan Jerman adalah amat dititik beratkan dalam kehidupan mereka, oleh itu bersama-

UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, KETUA PENGARAH, JABATAN STANDARD MALAYSIA
MAJLIS ANUGERAH STANDARD DAN AKREDITASI KEBANGSAAN
31 MAC 2017 (JUMAAT)
HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA LUMPUR

samalah kita sebagai Rakyat Malaysia agar mencontohi mereka dalam mengamalkan budaya kualiti ini dalam kehidupan seharian kita.

10. Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Standards Malaysia ini juga turut membantu dalam menggalakkan minat pelajar terhadap matapelajaran *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)* serta menyokong MOSTI dalam memanfaatkan STI untuk penjanaian ilmu, kemakmuran dan memastikan kesejahteraan Rakyat.

YB Datuk Seri Panglima, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

11. Bagi pihak Standards Malaysia, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima dan pemenang anugerah. Semoga anugerah ini akan menjadi pemangkin semangat dan usaha serta meransang

UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, KETUA PENGARAH, JABATAN STANDARD MALAYSIA
MAJLIS ANUGERAH STANDARD DAN AKREDITASI KEBANGSAAN
31 MAC 2017 (JUMAAT)
HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA LUMPUR

individu dan organisasi lain dalam memajukan bidang standardisasi dan akreditasi.

12. Tidak dilupakan, ribuan terima kasih kepada YB Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Bin Hj. Yahaya, Ahli-Ahli Majlis serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang terlibat di atas sokongan yang berterusan. Juga tidak dilupakan kepada rakan-rakan di pihak pengurusan Standards Malaysia serta seluruh warga jabatan yang sentiasa bekerja keras untuk memenuhi matlamat Standards Malaysia.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Sekolah Kebangsaan Convent (2) Bukit Nanas, Kuala Lumpur dan Tadika Perintis Wawasan, Dengkil kerana terlibat dalam menjayakan Majlis Anugerah Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang berprestij pada hari ini.

UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, KETUA PENGARAH, JABATAN STANDARD MALAYSIA
MAJLIS ANUGERAH STANDARD DAN AKREDITASI KEBANGSAAN
31 MAC 2017 (JUMAAT)
HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA LUMPUR

Sekian, Terima kasih.